

# TINJAUAN DAN PROSPEK Ekonomi Malaysia

## Perkembangan dalam 2008

### Ekonomi Global

Ekonomi global menghadapi cabaran getir sepanjang 2008 disebabkan oleh krisis kewangan dunia, yang berpunca daripada krisis kredit dan gadaai janji subprima di Amerika Syarikat. Sungguhpun kedudukan ekonomi dunia dalam separuh pertama membanggakan, diterajui oleh China dan India, ekonomi dunia keseluruhannya pada tahun 2008 tumbuh lebih perlahan pada kadar 3.2% dari 5.2% pada 2007 ekoran ekonomi negara-negara maju mengalami kemelesetan dalam separuh kedua. Secara purata, kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara maju mencatatkan pertumbuhan perlahan pada kadar 0.9% dalam 2008 berbanding 2.7% dalam 2007. Ekonomi Amerika Syarikat tumbuh lebih perlahan pada 1.1% berbanding dengan 2.0% pada 2007, sementara pertumbuhan dalam kawasan Euro juga menurun kepada 0.9% daripada 2.7%. Dalam tahun yang sama ekonomi Jepun mengecut 0.6% pada 2008 daripada pertumbuhan 2.4% dalam tahun sebelumnya.

Ekonomi negara-negara sedang membangun juga menunjukkan pertumbuhan lebih perlahan dalam tahun 2008 pada kadar 6.1% berbanding 8.3% pada 2007. China dan India pula terus menunjukkan prestasi kukuh masing-masing dengan pertumbuhan 9.0% dan 7.3% tahun lalu, tetapi lebih perlahan daripada 13.0% dan 9.3% pada 2007.

Penurunan mendadak dalam ekonomi negara-negara maju telah mengakibatkan kemerosotan dalam perdagangan global, pelaburan dan aliran modal dalam 2008. Pertumbuhan dalam dagangan barangan dan perkhidmatan dunia merosot kepada 3.3% berbanding 7.2% pada 2007, sementara aliran modal swasta bersih ke dalam ekonomi negara-negara membangun jatuh kepada USD109.3 bilion pada 2008 dari USD617.5 bilion dalam tahun sebelumnya.

Inflasi merupakan keseimbangan utama dari aspek makroekonomi dunia dalam separuh pertama tahun 2008 dengan harga makanan dan lain-lain komoditi melambung di pasaran dunia. Bagaimanapun, harga minyak mentah dan lain-lain komoditi lega dalam suku akhir tahun 2008, lanjutan permintaan dunia yang semakin perlahan. Harga minyak mentah jatuh kepada USD44.60 setong di penghujung 2008 yang membantu memperlambatkan inflasi global. Namun, purata kadar inflasi global bagi keseluruhan 2008 lebih tinggi pada 6.4% berbanding 4.3% pada 2007.

Pasaran kewangan global mengalami kesan paling teruk disebabkan krisis ekonomi dan kewangan. Menurut kajian yang dijalankan untuk Bank Pembangunan Asia, kerugian yang dicatat dalam pasaran kewangan global

pada 2008 berjumlah USD50 trilion. Pada masa yang sama, Asia mencatat kerugian terbesar berbanding dengan negara-negara membangun yang lain dengan jumlah USD9.6 trilion kerana pasaran kewangan di rantau ini telah berkembang pada kadar lebih pantas.

Dana Kewangan Antarabangsa ("IMF") melaporkan penghapusan hutang toksik global oleh industri perbankan dan institusi kewangan lain di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun mungkin mencapai USD4.1 trilion dimana bank-bank perlu melupuskan hutang berjumlah USD2.8 trilion.

Satu lagi isu penting yang memberi kesan kepada ekonomi global pada 2008 adalah kenaikan kadar pengangguran. Kadar pengangguran dilihat menunjukkan peningkatan mendadak khususnya dalam separuh kedua lanjutan lebih banyak pekerja diberhentikan. Secara purata, kadar pengangguran global meningkat kepada 6.0% pada tahun 2008 dari 5.7% pada 2007.

Tindakan agresif kerajaan-kerajaan untuk menangani keadaan ini dianggap perlu untuk menstabilkan sistem kewangan, memastikan aliran kredit berterusan dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah secara khususnya, terpaksa menyelamatkan bank-bank dan lain-lain institusi kewangan disamping melonggarkan dasar kewangan dengan menambah kecairan dan menurunkan kadar faedah kepada hampir sifar. Negara-negara membangun juga terpaksa melakukan pemotongan kadar faedah.

Negara-negara maju dan membangun telah memperkenalkan pakej rangsangan fiskal untuk mengelakkan kemerosotan dari berterusan dan merangsang pemulihan ekonomi. Jumlah pakej rangsangan yang diumumkan setakat April 2009 berjumlah USD2.3 trilion atau 3.5% KDNK global. China telah mengumumkan pakej rangsangan fiskal USD586 bilion atau hampir 7.0% KDNK pada November 2008, sementara Amerika Syarikat mengumumkan pakej bernilai USD787 bilion atau 5.5% KDNK pada Februari 2009. Negara-negara lain yang turut serta mengumumkan pakej rangsangan fiskal yang besar termasuk Jepun, Jerman dan Sepanyol.

### Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia mengalami pembangunan bercampur-campur pada 2008. Separuh pertama menyaksikan pertumbuhan yang memberangsangkan sementara inflasi meningkat kerana tekanan kenaikan kos. Eksport meningkat pantas dalam tempoh Januari-Jun, disumbangkan oleh pembuatan dan komoditi utama, serta perbelanjaan pengguna yang kukuh yang bersama membantu KDNK sebenar meningkat sebanyak 7.1%. Bagaimanapun,

momentum pertumbuhan perlahan dalam separuh kedua akibat prestasi eksport yang semakin lemah kerana negara-negara utama mengalami kesukaran ekoran krisis kewangan global yang semakin teruk. Kesan kepada pendapatan dan kos yang seterusnya telah menjejaskan perbelanjaan domestik pada separuh kedua 2008 dan mengakibatkan KDNK sebenar untuk tempoh ini tumbuh perlahan pada 2.4% dengan kadar pertumbuhan pada suku terakhir rendah pada kadar 0.1%. Justeru, pertumbuhan untuk keseluruhan tahun 2008 lebih perlahan pada 4.6% berbanding 6.3% dalam tahun sebelumnya. Ini merupakan kadar pertumbuhan ekonomi paling perlahan sejak 2001.

Sementara itu, tekanan inflasi domestik terus bertambah sehingga suku ketiga, sebelum mulai turun dalam suku terakhir ketika harga makanan dan bahan api mengekalkan kenaikan. Untuk keseluruhan 2008, purata kadar inflasi Malaysia ialah 5.4%, kadar terpanjang dalam tempoh 26 tahun (1982: 5.8%). Bagaimanapun, pihak berkuasa tidak melaksanakan pengetatan dasar kewangan. Sebaliknya kadar faedah diturunkan dan memastikan kecairan dalam sistem perbankan kekal tinggi dalam suasana di mana keseimbangan mengenai ekonomi meningkat.

Secara amnya, sistem kewangan Malaysia terus melihat kestabilan pada 2008 dengan keadaan kecairan tinggi dikekalkan. Walaupun berlaku pengaliran keluar modal portfolio daripada sistem kewangan domestik, kadar penurunan dalam rizab luar negara dilindungi oleh lebih besar dalam akaun semasa imbalan bayaran. Lebihan akaun semasa pada 2008 berjumlah RM129.4 bilion atau 17.5% KDNK berbanding RM100.4 bilion atau 15.6% dari KDNK pada 2007. Simpanan luar pada penghujung 2008 berjumlah RM317.4 bilion atau USD91.5 bilion berbanding RM335.7 bilion atau USD101.3 bilion pada 2007.

### Keadaan Permintaan

Keadaan permintaan domestik kekal kukuh dalam separuh pertama 2008, hasil sumbangan utama perbelanjaan kepenggunaan yang tinggi. Sementara kepenggunaan swasta meningkat sebanyak 8.4%, jumlah perbelanjaan awam naik hanya 6.5%. Harga komoditi yang tinggi, keadaan pasaran kerja yang stabil serta persekitaran kewangan yang baik menyokong tinggi jualan kenderaan, perbelanjaan kad kredit serta import barang kepenggunaan dalam separuh pertama tahun lalu.

Separuh kedua tahun 2008 menyaksikan kepenggunaan swasta lebih perlahan kerana pertumbuhan pendapatan juga perlahan dan kos kehidupan meningkat manakala tekanan inflasi turut meningkat. Pertumbuhan dalam kepenggunaan swasta di separuh kedua 2008 lebih perlahan

## KDNK Sebenar Mengikuti Agregat Permintaan

% Perubahan	2004	2005	2006	2007	2008	2009*
<b>Penggunaan</b>	<b>9.4</b>	<b>8.5</b>	<b>6.1</b>	<b>9.9</b>	<b>9.1</b>	<b>4.3</b>
Awam	7.6	6.5	4.9	6.6	11.6	7.5
Swasta	9.8	9.1	6.5	10.8	8.4	3.5
<b>Pelaburan (tanpa stok)</b>	<b>3.6</b>	<b>5.0</b>	<b>7.9</b>	<b>9.6</b>	<b>1.1</b>	<b>-8.5</b>
Awam	-21.5	6.8	8.9	7.5	0.7	-
Swasta	46.5	3.3	7.0	12.3	1.5	-
<b>Agregat Permintaan Dalam Negeri</b>	<b>7.7</b>	<b>7.6</b>	<b>6.6</b>	<b>9.8</b>	<b>6.9</b>	<b>1.1</b>
Awam	-7.8	6.6	6.8	6.9	6.5	-
Swasta	15.6	7.6	7.0	11.8	7.1	-
Eksport	16.1	8.3	7.0	4.2	1.5	-17.6
Import	19.6	8.9	8.5	5.4	2.2	-16.8
<b>KDNK Sebenar</b>	<b>6.8</b>	<b>5.3</b>	<b>5.8</b>	<b>6.3</b>	<b>4.6</b>	<b>-2.0</b>

\* Anggaran

pada 6.7%. Bagaimanapun, kadar purata pengembangan kepenggunaan swasta untuk keseluruhan 2008 kekal teguh pada 8.4% berbanding 10.8% pada 2007. Sumbangan kepenggunaan swasta kepada pertumbuhan KDNK sebenar keseluruhan tahun 2008 merosot kepada 4.3 mata asas daripada 5.2 mata asas pada 2007.

Perbelanjaan modal menyaksikan penurunan mendadak pada 2008, terutamanya dalam separuh kedua. Sektor swasta dan awam masing-masing menyumbang kepada penurunan ini. Dibandingkan dengan pertumbuhan 9.6% pada 2007, jumlah pelaburan hanya meningkat sebanyak 1.1% tahun 2008. Separuh kedua pula menyaksikan pelaburan mengecut 3.6%.

Pelaburan swasta meningkat pada kadar lebih perlahan iaitu 1.5% pada 2008 dari 12.3% pada 2007, terutamanya mencerminkan kelemahan dalam sektor pembuatan ekoran kemerosotan ekonomi global. Penurunan dalam perbelanjaan pelaburan swasta jelas dilihat dalam suku terakhir dengan syarikat-syarikat menangguhkan atau membatalkan pelaburan kerana prospek ekonomi global yang semakin membimbangkan. Import barang modal mengalami penurunan mendadak sebanyak 12.4% dalam suku keempat selepas mencatat pertumbuhan lemah 0.2% dalam tempoh tiga bulan terdahulu. Pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan kepada sektor pembuatan dan pembinaan turut mengecut

masing-masing sebanyak 3.3% dan 0.9% berbanding paras yang dilihat dalam suku terdahulu. Jumlah dana yang dikumpul sektor swasta menerusi pasaran modal juga mencatat penurunan, khususnya dalam tiga bulan terakhir tahun 2008.

Pertumbuhan dalam pelaburan awam juga jatuh mendadak kepada 0.7% pada 2008 dari 7.5% pada 2007, mencerminkan kesan kenaikan kos dan keperluan untuk mengekang defisit fiskal Kerajaan Persekutuan. Secara keseluruhan, sumbangan pelaburan kepada KDNK sebenar jatuh 0.3 mata asas dari 2.2 mata asas pada 2007.

Sektor luaran menerima tamparan hebat dari kesan penurunan ekonomi global lebih-lebih lagi di separuh kedua 2008. Dalam suku terakhir, jumlah eksport dan perkhidmatan yang diukur mengikut harga konstan 2000, jatuh 10.2%. Untuk keseluruhan tahun 2008, eksport hanya mencatat kenaikan kecil 1.5% berbanding pertumbuhan 4.2% pada 2007.

Namun, bila diukur dengan harga semasa, eksport barangan dan perkhidmatan tumbuh 8.4% tahun 2008 lebih tinggi berbanding 5.6% pada 2007. Ini disumbangkan terutamanya oleh harga komoditi yang lebih tinggi, termasuk minyak dan gas, minyak sawit dan getah.

Kadar import turut mengalami penurunan pada 2008, berikutan kesan permintaan luaran dan domestik yang semakin perlahan. Bagaimanapun, kadar pertumbuhan import

untuk keseluruhan tahun 2008 sedikit lebih tinggi dari eksport pada 2.2%, sekaligus menyebabkan eksport bersih mengecut 3.8%. Eksport bersih terus mencatat rekod sumbangan negatif 0.5 mata asas kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK pada 2008 berbanding -0.6 mata asas pada 2007.

## Keadaan Bekalan

Prestasi mengikut sektor dalam tahun 2008 agak bercampur-campur. Pertumbuhan sektor pembuatan jatuh kepada 1.3% dari 3.1% pada 2007 akibat kesan kemerosotan ekonomi dunia, tetapi pada masa yang sama, sektor pertanian mencatat pertumbuhan lebih pantas sebanyak 3.8% dari 2.2% untuk dua tahun yang diperbandingkan. Bagaimanapun, pertumbuhan sektor perlombongan jatuh kepada 0.8% tahun 2008 berbanding kenaikan 3.3% pada 2007. Sektor perkhidmatan pula terus memacu ekonomi tahun 2008 tetapi tumbuh lebih perlahan pada 7.3% berbanding 9.7% pada 2007. Walaubagaimanapun, semua sektor mengalami penurunan mendadak pada suku keempat.

Dalam tiga bulan terakhir tahun 2008, sektor pembuatan, perlombongan dan pembinaan mencatatkan pengecutan, manakala perkhidmatan dan pertanian turut mengalami pengurangan dalam momentum. Sektor pembuatan jatuh 8.8% dalam tiga bulan terakhir 2008, akibat permintaan dunia yang jatuh untuk barangan elektrik & elektronik.

Sementara itu, sektor perlombongan mengecut 5.7% pada suku keempat tahun 2008, lanjutan dari pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah ketika negara mula merasai manfaat daripada kenaikan berterusan harga komoditi itu dipasaran antarabangsa. Sektor pembinaan mengalami kejatuhan 1.6% akibat aktiviti yang lebih perlahan dalam sektor perumahan dan komersil swasta. Bagaimanapun, prestasi keseluruhan dalam sektor ini disokong oleh aktiviti sektor awam menerusi pelaksanaan projek-projek dibawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK9") selain projek-projek industri minyak dan gas.

Sektor perkhidmatan menunjukkan penurunan dalam suku keempat, tetapi kekal sebagai sektor yang mengalami pertumbuhan terpantas dalam ekonomi. Sektor ini mencatat pertumbuhan 5.6% dalam tiga bulan terakhir 2008, dari 7.1% dalam suku sebelumnya, disokong oleh aktiviti berterusan dalam subsektor seperti dagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans, komunikasi, pengangkutan dan penstoran, hartanah, perkhidmatan perniagaan, perhotelan dan restoran.

Pertumbuhan dalam sektor pertanian turut perlahan dalam suku terakhir pada kadar 0.5% berbanding kenaikan 3.0% dalam suku sebelumnya.

Sehubungan itu, semua sektor melainkan pertanian membuat sumbangan lebih kecil kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan dalam 2008 berbanding tahun sebelumnya.

## KDNK, Agregat Permintaan Dalam Negeri & Eksport (% YoY)



## Sumbangan Kepada Pertumbuhan – Permintaan

% Mata	2004	2005	2006	2007	2008	2009*
<b>Penggunaan</b>	5.4	5.1	3.7	6.1	5.8	3.2
Awam	1.0	0.8	0.6	0.9	1.5	1.0
Swasta	4.4	4.2	3.1	5.2	4.3	2.3
<b>Pelaburan (tanpa stok)</b>	0.8	1.1	1.7	2.2	0.3	0.1
Awam	-3.1	0.7	1.0	0.8	0.1	-
Swasta	3.9	0.4	0.8	1.4	0.8	-
Stok	0.8	-1.7	0.7	-1.3	-0.8	0.2
<b>Agregat Permintaan Dalam Negeri</b>	6.2	6.2	5.5	8.2	6.0	1.0
Awam	-2.1	1.5	1.6	1.7	0.9	-
Swasta	8.4	4.4	4.2	7.1	5.0	-
Eksport	17.7	10.0	8.6	5.2	1.8	-20.9
Import	18.0	9.1	9.0	5.8	2.4	-17.7
<b>Eksport Bersih</b>	-0.2	0.8	-0.4	-0.6	-0.5	-3.2
<b>KDNK Sebenar</b>	<b>6.8</b>	<b>5.3</b>	<b>5.8</b>	<b>6.3</b>	<b>4.6</b>	<b>-2.0</b>

\* Anggaran

Sementara sumbangan sektor pembuatan jatuh 0.4 mata asas tahun 2008 daripada 1.0 mata asas pada 2007, sektor perlombongan memberi sumbangan negatif 0.1 mata asas berbanding 0.3 mata asas untuk dua tahun yang dibandingkan. Sektor pembinaan mengekalkan sumbangan kecil 0.1 mata asas pada tahun 2008.

Sektor perkhidmatan pula mengekalkan sumbangan besar 3.9 mata asas kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan untuk 2008, tetapi lebih kecil dibandingkan dengan 5.0 mata asas pada 2007. Bagaimanapun, peratusan sektor itu kepada KDNK keseluruhan lebih besar iaitu 55.0% berbanding 53.6% pada 2007. Pada masa yang sama, sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan dalam 2008 naik sedikit kepada 0.3 mata asas dari 0.2 mata asas dalam 2007 selepas mengalami peluasan yang lebih pantas.

### Prospek Dalam 2009

#### Ekonomi Global

Keadaan ekonomi global menjadi lebih membimbangkan dalam separuh pertama 2009, dengan kemelesetan meningkat dan memberi kesan yang lebih luas. Walaupun wujud tanda-tanda penyerdehanaan muncul, IMF dalam laporannya pada bulan April, menjangkakan ekonomi global akan mengecut 1.3% pada 2009 berikutan dari krisis kewangan dan kehilangan keyakinan pelabur dan pengguna. Ini adalah tahap kemelesetan ekonomi yang paling buruk sejak Kemelesetan Terbesar (Great Depression) sebelum ini. Pada bulan Mac, Bank Dunia menjangka pengeluaran global akan mengecut pada 1.7% tahun ini. Ekonomi negara-negara maju dijangkakan mencatat pengecutan purata 3.8% pada 2009, dengan Japan mengalami kejatuhan mendadak 6.2%. Ekonomi Amerika Syarikat dijangka mengecut sebanyak 2.8% tahun ini, sementara ekonomi zon Eropah akan turun 4.2%.

Ekonomi negara-negara membangun sebagai satu kumpulan mungkin melihat pertumbuhan jauh lebih perlahan pada

1.6% dalam 2009 dari 6.1% pada 2008. Pertumbuhan yang lebih perlahan adalah lanjutan dari perdagangan dan pelaburan global yang semakin perlahan dan ekonomi negara-negara maju menepuhi kesukaran ekonomi yang lebih teruk.

Ekonomi dunia mungkin pulih pada 2010. IMF menjangkakan pengeluaran global akan mencatat pemulihan sederhana sebanyak 1.9% pada tahun depan, lanjutan perluasan ekonomi negara-negara sedang membangun manakala pada masa sama ekonomi negara-negara maju mungkin stabil. Bagaimanapun risiko terhadap pertumbuhan ekonomi masih wujud sekiranya fungsi sistem kewangan, terutamanya di Amerika Syarikat dan Eropah, tidak diperbaiki dan masalah pasaran kredit tidak diselesaikan.

Menurut IMF, bank-bank seluruh dunia memerlukan modal tambahan antara USD775 bilion hingga USD1.5 trilion dalam 2009-2010 ekoran penghapusan pinjaman dan sekuriti yang dianggarkan berjumlah USD2.8 trilion iaitu punca krisis ekonomi dan kewangan. Bank-bank di Amerika Syarikat akan memerlukan dana tambahan sehingga USD500 bilion dalam dua tahun ini akibat kesan penghapusan hutang sehingga USD550 bilion. Sehubungan itu, prospek ekonomi membangun untuk pulih dan memacu pertumbuhan global juga mungkin terhad akibat tekanan untuk mendapatkan kewangan luaran.

#### Ekonomi Malaysia

Malaysia telah merasai kesan kemelesetan ekonomi global, khususnya dalam suku terakhir 2008. Eksport dan pelaburan mengecut dalam tempoh itu, sehinggakan pertumbuhan KDNK sebenar jatuh pada kadar mendadak 0.1%.

Dalam menghadapi kesukaran ekonomi global yang semakin meningkat, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan kedua sebanyak RM60 bilion pada Mac 2009 untuk mengelakkan ekonomi domestik dari mengalami kemelesetan lebih buruk. Pakej ini akan dilaksanakan sepanjang 2009 dan 2010 dan diharap dapat menangani

isu-isu pekerjaan, pelaburan sektor swasta dan kepenggunaan selain menyediakan alas keselamatan sosial. Pada November 2008, Kerajaan mengumumkan Pakej Rangsangan Pertama bernilai RM7.0 bilion. Pakej rangsangan ini merupakan usaha tambahan kepada dasar peluasan kewangan untuk membantu menyokong perbelanjaan domestik dan pertumbuhan ekonomi keseluruhan.

Kerajaan baru-baru ini menurunkan unjuran KDNK sebenar negara untuk 2009 di antara negatif 5.0% dan negatif 4.0% dari unjuran asal iaitu negatif 1.0% ke 1.0%. Penurunan ini dibuat selepas KDNK suku pertama 2009 mengecut 6.2%, lebih rendah daripada yang dijangkakan. Ini merupakan penurunan pertama sejak suku ketiga 2001 (-0.4%).

Penurunan dalam KDNK pada suku pertama disebabkan oleh kejatuhan permintaan luaran. Eksport kasar merosot sebanyak 20.0% akibat pengecutan besar dalam eksport pembuatan lanjutan penurunan permintaan barangan elektrik & elektronik dan bukan-elektrik & elektronik dan juga penurunan dalam eksport komoditi akibat penurunan harga dan pengurangan permintaan.

Dalam suku pertama 2009, permintaan domestik mengecut 2.9% lanjutan isi rumah dan sektor perniagaan berjimat dalam perbelanjaan kerana keadaan ekonomi dan perniagaan yang semakin membimbangkan. Khususnya, pelaburan modal-tetap bersih jatuh 10.8%, akibat aktiviti pelaburan swasta yang lebih perlahan. Walaubagaimanapun, perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi telah membantu menangani kesan kemelesetan terhadap ekonomi domestik.

Dari segi bekalan, melainkan pembinaan, semua sektor ekonomi mengalami pengecutan dalam suku pertama, khususnya sektor pembuatan yang jatuh teruk sementara sektor perkhidmatan mengalami pengecutan akibat kesan dari kemelesetan dalam sub-sektor yang berkait rapat dengan sektor pembuatan.

Walaupun mencatat pengecutan lebih besar dan mendadak dalam suku pertama, terdapat tanda-tanda keadaan ekonomi semakin stabil. Sektor pembuatan, yang menyumbang satu pertiga KDNK dan lebih dari 70.0% kepada indeks pengeluaran industri, mencatatkan penurunan lebih kecil sebanyak 15.7% pada bulan April berbanding -17.0% di bulan Mac. Atas asas bulan-ke-bulan, pengeluaran pembuatan tumbuh 1.5% pada April selepas mencatat pertumbuhan 3.5% pada Mac.

Sementara itu, impak pakej rangsangan pertama dan kedua akan dapat dilihat mulai suku ketiga dan terakhir tahun ini, dari segi meningkatkan agregat permintaan domestik, lebih-lebih lagi melalui perbelanjaan awam dan penggunaan swasta. Sementara ekonomi domestik dijangka kekal mencatatkan pengecutan di suku kedua dan ketiga, pemulihan ekonomi dijangka bermula pada suku terakhir 2009.

Oleh itu, KDNK sebenar 2009, dianggarkan pada kadar -2.0% berbanding jangkaan rasmi -5.0% ke -4.0%.

### Keadaan Permintaan

Permintaan domestik dijangka menyederhana pada 2009 dengan pertumbuhan 1.1% berbanding 6.9% pada 2008, akibat kejatuhan dalam perbelanjaan pelaburan dalam keadaan perbelanjaan kepenggunaan yang perlahan. Kepenggunaan swasta diunjur mengembang dengan sederhana pada 3.5% dalam keadaan pasaran kerja yang lebih lembab dan peluang pekerjaan yang kurang, lebih-lebih lagi dalam sektor pembuatan. Beberapa usaha telah diperkenalkan oleh Kerajaan di dalam pakej rangsangan, seperti penurunan caruman KWSP dari 11.0% kepada 8.0%, dan kenaikan pinjaman kereta untuk kakitangan kerajaan yang dapat membantu menyederhanakan penurunan dalam pertumbuhan kepenggunaan swasta.

Kepenggunaan awam diunjurkan meningkat lebih perlahan, tetapi kekal stabil pada 7.5%, amnya kerana tindakbalas daripada kenaikan emolumen dan pembelian bekalan dan perkhidmatan. Kesannya, perbelanjaan kepenggunaan keseluruhan akan meningkat pada kadar 4.3% pada 2009, turun dari 9.1% pada 2008. Dari itu, sumbangan kepenggunaan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan tahun ini dijangka jatuh kepada 3.2 mata asas dari 5.8 mata asas pada 2008.

Keadaan perbelanjaan pelaburan swasta akan lebih tertekan disebabkan pengecutan permintaan global dan penurunan perbelanjaan domestik. Sentimen perniagaan yang semakin lemah dan peningkatan pengelakan risiko di kalangan pelabur akan memaksa penurunan dalam pelaburan swasta sehingga 18.0% tahun ini selepas mencatat pertumbuhan 1.5% pada 2008. Sektor pembuatan dijangka mengalami penurunan besar dalam pelaburan tahun ini kerana aliran pelaburan asing terus diramal jatuh. Sementara itu, pelaksanaan projek-projek pelaburan baru dan program-program peluasan mungkin akan ditangguhkan sehingga tanda-tanda pemulihan ekonomi dapat dilihat.

Sebaliknya, pelaburan awam dijangka akan mencatat kenaikan tahun ini dengan pelaksanaan program-program di bawah pakej rangsangan untuk menangani kesan penurunan ekonomi global ke atas ekonomi domestik.

### KDNK Sebenar Mengikuti Sektor

% Perubahan	2004	2005	2006	2007	2008	2009*
Pertanian	4.7	2.6	5.4	2.2	3.8	-2.3
Pelombongan	4.1	-0.4	-2.7	3.3	-0.8	-5.3
Pembuatan	9.6	5.2	7.1	3.1	1.3	-12.5
Pembinaan	-0.9	-1.5	-0.5	4.6	2.1	4.1
Perkhidmatan	6.4	7.2	7.3	9.7	7.3	3.7
<b>KDNK Sebenar</b>	<b>6.8</b>	<b>5.3</b>	<b>5.8</b>	<b>6.3</b>	<b>4.6</b>	<b>-2.0</b>

\* Anggaran

Eksport barangan dan perkhidmatan juga diunjurkan mengalami kejatuhan mendadak sebanyak 17.6% tahun ini selepas kenaikan kecil 1.5% pada 2008 ketika permintaan global, terutamanya hasil pembuatan, menurun. Eksport komoditi utama seperti minyak dan gas, minyak sawit dan barangan pembuatan berasas sumber juga dijangka semakin perlahan kerana penurunan harga, selepas pembetulan harga yang bermula dalam separuh kedua 2008. Prestasi eksport dijangka lebih buruk pada separuh pertama sebelum naik dengan perlahan pada separuh kedua. Eksport akan mencatat sumbangan negatif 20.9 mata asas kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan pada 2009.

Import juga akan mengecut pada 2009 pada kadar unjuran 16.8%, disebabkan eksport yang menurun dan permintaan domestik yang lemah. Bagaimanapun, oleh kerana pengecutan eksport lebih besar berbanding import, sumbangan negatif eksport bersih kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan pada 2009 dijangka bertambah kepada 3.2 mata asas dari -0.5 mata asas pada 2008.

### Keadaan Bekalan

Semua sektor ekonomi kecuali pembinaan akan mengalami kesan negatif yang lebih besar tahun ini kerana kemelesetan ekonomi global yang semakin meluas. Sektor pembuatan, perdagangan dan pelancongan khususnya diramal merekodkan pengecutan besar lebih-lebih lagi dalam separuh pertama akibat kejatuhan permintaan global.

Sektor pembuatan dilihat akan mengalami penurunan mendadak 12.5% pada 2009 dari pertumbuhan 1.3% tahun lalu kerana pengeluaran menurun dalam industri berorientasikan eksport, khususnya elektrik & elektronik. Prestasi industri berorientasikan domestik pula dijangka turut merasai penurunan akibat penggunaan domestik dan permintaan pelaburan yang lebih perlahan. Dalam tiga bulan pertama tahun ini, sektor ini mengalami pengecutan 15.6% lanjutan penurunan 41.4% dalam pengeluaran elektrik & elektronik.

Sektor perlombongan juga dijangka mencatat kejatuhan tahun ini. Dalam suku pertama, sektor ini mencatatkan penurunan 5.4% akibat penurunan pengeluaran minyak dan gas. Keseluruhan 2009 mungkin menyaksikan sektor ini mengecut sehingga 5.3%.

Sektor perkhidmatan akan kekal sebagai pemacu utama dalam ekonomi domestik tahun ini, tetapi akan tumbuh lebih perlahan

pada 3.7% dari 7.3% tahun lalu. Ini kerana prestasi yang lebih perlahan dalam subsektor seperti dagangan, pengangkutan dan penstoran, utiliti, kewangan dan insurans, borong dan runcit, komunikasi, perhotelan dan restoran.

Pada masa yang sama, sektor pembinaan akan mencatat pertumbuhan lebih kukuh sehingga 4.1% berbanding 2.1% pada 2008. ini berikutan dengan pelaksanaan agresif projek-projek di bawah dua pakej rangsangan dan RMK9. Bagaimanapun, aktiviti pembinaan swasta bagi projek perumahan dan komersil mungkin terus perlahan lanjutan sentimen pengguna yang lemah memaksa kontraktor menangguhkan projek baru.

Sektor pertanian juga dijangka mengalami penurunan mendadak tahun ini dengan pengeluaran minyak sawit dan getah menurun kerana kejatuhan berterusan harga komoditi itu. Tetapi pengeluaran lain seperti ternakan, perikanan, dan sayuran mungkin terus mengalami pengembangan mengikut permintaan domestik yang meningkat. Keseluruhannya, sektor pertanian mungkin mencatat penurunan pada 2.3% untuk 2009 selepas pertumbuhan yang lebih baik sebanyak 3.8% pada 2008.

### Imbangan Luaran Dan Dasar Kewangan

Imbangan luaran Malaysia mencatat pengecutan pada 2008 dan dijangka terus jatuh pada 2009 ekoran keadaan ekonomi global yang semakin meleset. Pada 2008, jumlah rizab luaran jatuh kepada RM317.4 bilion atau USD91.5 bilion dari RM335.7 bilion atau USD101.3 bilion selepas defisit dalam akaun kewangan melebar kepada RM123.9 bilion dari -RM37.7 bilion pada 2007 disebabkan aliran keluar yang besar portfolio modal pada separuh kedua. Ini berlaku walaupun terdapat lebihan yang lebih besar dalam akaun semasa sebanyak RM129.4 bilion atau 18.1% dari KDNK dibandingkan dengan RM100.4 bilion atau 16.0% KDNK pada 2007.

Lebih banyak dana mengalir keluar pada suku pertama 2009 disebabkan kemerosotan pasaran kewangan global dan keadaan ekonomi. Sehingga penghujung Mac, rizab luaran jatuh pada RM320.7 bilion atau USD87.8 bilion berbanding paras pada penghujung Disember 2008. Sementara modal portfolio akan kembali mengalir masuk ke dalam pasaran kewangan domestik apabila keadaan pasaran kewangan global lebih stabil untuk mengecilkan defisit dalam akaun kewangan, imbangan keseluruhan pada tahun 2009 mungkin terus mencatat penurunan lanjutan lebihan akaun semasa yang jauh lebih kecil. Rizab luaran diunjur jatuh kepada RM303.4 bilion pada 2009 berbanding RM317.4 bilion di penghujung 2008.

Lebihan dalam akaun semasa mungkin akan mengecil dengan mendadak kepada RM50 bilion atau 8.7% KDNK pada 2009

## Imbangan Pembayaran

RM bilion	2005	2006	2007	2008	2009*
Imbangan Akaun Semasa	78.4	93.5	100.4	129.4	50.0
% KNK	15.7	16.8	16.0	18.1	8.7
Imbangan Barangan	128.9	134.6	127.7	170.1	80.0
Imbangan Perkhidmatan	-9.6	-6.9	2.4	1.7	-1.2
Imbangan Pendapatan	-23.9	-17.3	-13.9	-25.4	-11.0
Pindahan Bersih	-17.0	-16.9	-15.7	-17.0	-18.2
<b>KDNK Sebenar (% YoY)</b>	<b>5.3</b>	<b>5.8</b>	<b>6.3</b>	<b>4.6</b>	<b>-2.0</b>

\* Anggaran

berbanding RM130 bilion atau 18.1% KDNK tahun lalu, kerana lebih barangan jualan yang rendah. Lebih dalam akaun semasa lazimnya mencerminkan imbangan sumber yang kecil atau lebih untuk simpanan/pelaburan dalam ekonomi 2009.

Walaupun dengan kejatuhan dalam rizab luaran, kedudukan kecairan domestik mencukupi sepanjang 2008. Kecairan sektor swasta yang diukur menurut wang besar atau M3 sebenarnya mencatat pertumbuhan kukuh 11.9% tahun lalu berbanding dengan 9.5% dalam tahun sebelumnya, lanjutan dari pertumbuhan pinjaman yang mengukuh. Dipenghujung 2008, pinjaman tertunggak menunjukkan peningkatan 12.8% berbanding 8.6% pada 2007.

Bagaimanapun, pertumbuhan dalam kecairan sektor swasta menyaksikan penyederhanaan pada suku pertama 2009 kepada 7.7%, disebabkan aliran keluar modal portfolio tetapi disokong oleh kenaikan yang berterusan dalam pinjaman iaitu pada kadar 10.9%.

Justeru lebih kecairan kekal dalam sistem kewangan, tetapi jumlahnya turun kepada RM173.4 bilion di penghujung Mac dari RM184.1 bilion pada penghujung Disember 2008. Lebih kecairan dijangka kekal untuk keseluruhan tahun 2009 tetapi lebih rendah daripada paras 2008 lanjutan kesan lebih akaun semasa dan aliran masuk modal yang lebih kecil.

Kedudukan kecairan yang mencukupi ini membantu melindungi sistem kewangan negara dan ekonomi sebenar 2008 dan tahun ini dari kesan penuh krisis kewangan dan ekonomi global. Sebaliknya, lebih kecairan memerlukan tindakan pembetulan yang kerap dari pihak berkuasa kewangan dalam pasaran tunai untuk menstabilkan sistem perbankan dan kadar faedah. Lebih kecairan mencapai paras tertinggi RM287.4 bilion pada April tahun lepas, dalam suasana tekanan inflasi yang meningkat. Bagaimanapun, kadar faedah tidak dinaikkan kerana kebimbangan tentang pertumbuhan meningkat, ekoran lebih banyak ketidakpastian dalam prospek ekonomi dunia ketika kesan krisis kewangan Amerika Syarikat tersebar ke serata dunia.

Kadar inflasi pada 2008 mencapai paras tertinggi 8.5% di bulan Julai, sebelum turun kepada 4.4% pada bulan Disember. Secara purata, Malaysia mencatat inflasi lebih tinggi iaitu 5.4% pada 2008 berbanding 2.0% pada 2007. Ini paras tertinggi dicatat sejak 1982 (5.8%).

Ketika ekonomi global mengalami penurunan lebih ketara, dan risiko penurunan ekonomi domestik meningkat, fokus dasar kewangan Malaysia beralih untuk membantu menyokong pertumbuhan ekonomi. Akibatnya, pada 24 November 2008 Bank Negara Malaysia ("BNM") menurunkan kadar dasar semalaman ("OPR") sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Ia juga mengurangkan nisbah keperluan simpanan berkanun ("SRR") untuk bank sebanyak 50 mata asas kepada 3.5%.

Program pelonggaran kewangan diteruskan sepanjang Mac 2009 dengan OPR diturunkan kepada 2.0% dan SRR turun kepada 1.0% untuk membantu menurunkan kos pinjaman dan memastikan kecairan mencukupi untuk menyokong permintaan domestik. Tekanan inflasi yang semakin perlahan membantu pelaksanaan dasar kewangan. Inflasi semakin menurun kepada purata 3.7% pada suku pertama tahun ini, dengan harga bahan api khususnya jatuh sejajar dengan harga minyak mentah dunia yang semakin rendah. Inflasi dijangka turun lagi dalam suku akan datang dan diunjurkan pada purata antara 2.0-3.0% untuk keseluruhan 2009.

Bagi tukaran asing pula, prestasi Ringgit bercampur-campur tahun lalu. Pada awal 2008 Ringgit mengukuh, dibantu oleh aliran masuk dana portfolio yang besar serta lebih dagangan yang besar ekoran harga komoditi meningkat. Ia juga disokong oleh kejatuhan Dolar Amerika, atas kebimbangan prospek ekonomi Amerika semakin lemah disebabkan krisis kewangannya. Unit tempatan naik 10.6% ke paras tertinggi RM3.13 berbanding Dolar Amerika pada 23 April tahun lalu, paras paling kukuh sejak penghapusan rejim pertukaran tetap pada Julai 2005.

Bagaimanapun, Ringgit menunjukkan penurunan berbanding Dolar Amerika dan Yen selepas suku kedua disebabkan aliran keluar modal dari pasaran kewangan domestik ke pasaran yang mempunyai kecairan tertinggi serta sekuriti kerajaan yang selamat. Dolar Amerika juga meningkat disebabkan kekurangan bekalan dalam pasaran antarabangsa selepas laporan masalah yang dihadapi oleh beberapa institusi bank terulung di Amerika Syarikat dan Eropah. Ringgit mencecah paras terendah pada RM3.64 berbanding Dolar pada Disember 12 tahun lalu, dan berada pada paras RM3.46 pada akhir tahun lalu. Berbanding Yen, Ringgit jatuh ke paras 3.83 dipenghujung 2008 dari 2.95 pada penghujung Disember 2007.

Dalam pada itu, Ringgit mencatat penurunan agak besar berbanding matawang Euro pada separuh pertama 2008, sebelum melonjak naik pada separuh kedua, ketika Euro jatuh dalam pasaran antarabangsa akibat potongan kadar faedah di zon Euro. Matawang tempatan semakin lemah pada 5.15 berbanding Euro di hujung suku kedua, sebelum melonjak kepada 4.89 di hujung 2008. Bagaimanapun, Ringgit mengukuh kembali dengan baik berbanding Paun UK pada 2008 dengan mengakhiri tahun 2008 pada 5.0 daripada 6.60 di hujung 2007.

Pergerakan Ringgit terus bercampur-campur, secara amnya mencerminkan pergerakan Dolar Amerika pada separuh pertama 2009. Walaupun jatuh ke tahap terendah RM3.69 pada Februari dan kekal pada paras 3.60 dalam dua bulan seterusnya, unit tempatan memperbaiki prestasi di bulan Mei. Ringgit mungkin stabil pada paras sekitar 3.50-3.60 berbanding Dolar Amerika dalam bulan-bulan akan datang sehingga hujung tahun ini.

## Kesimpulan

Ekonomi Malaysia mencatat penyederhanaan pada 2008 ekoran kemerosotan mendadak dalam ekonomi global selepas masalah gadai janji subprima Amerika Syarikat berubah menjadi krisis kewangan global besar-besaran. Kemerosotan permintaan luaran memberi kesan buruk kepada eksport negara dan prestasi pelaburan, sambil memperlambatkan perbelanjaan kepenggunaan.

Kedudukan ekonomi global semakin teruk dengan bertambahnya bilangan ekonomi membangun yang turut mengalami kemelesetan. Jangkaan pemulihan ekonomi akan bermula lewat tahun ini, lanjutan usaha pelbagai dasar kewangan dan fiskal. Bagaimanapun, risiko terhadap pertumbuhan yang dihadapi terus kekal dan kemelesetan ekonomi global mungkin berlarutan jika masalah-masalah industri perbankan dan institusi kewangan di negara-negara maju tidak ditangani dengan berkesan dan keyakinan dalam sektor kewangan tidak dipulihkan sepenuhnya.

Sebagai ekonomi terbuka, Malaysia sedang mengalami impak kuat dari krisis ekonomi global tahun ini dan KDNK sebenar mungkin mengalami pengecutan selepas mencatat pertumbuhan sederhana 4.6% tahun lalu. Pelbagai dasar kewangan dan fiskal telahpun diumumkan Kerajaan untuk membantu menyokong ekonomi negara. Walaupun rangsangan fiskal melibatkan kos perbelanjaan tinggi kepada Kerajaan, dan defisit fiskal akan meningkat, usaha-usaha dasar peluasan ini amat diperlukan untuk membantu mengelakkan ekonomi daripada mengalami kemelesetan lebih teruk. Namun, hasil positif daripada usaha dasar-dasar ini hanya dapat dirasai dengan melaksanakannya dengan pantas dan berkesan.